

## Mengehadkan tempoh khidmat akademia rugikan negara, IPT

Oleh Prof Madya Dr Mohd Izani Mohd Zain - Oktober 5, 2021 @ 10:00am  
bhrencana@bh.com.my



- Foto hiasan

Tarikh 5 Oktober dipilih sebagai sambutan Hari Akademia. Ia khusus untuk mengenang peranan dan sumbangan ahli akademik yang penting dalam pembangunan negara.

Sepanjang Oktober pula, diraikan sebagai Bulan Pendidik dengan pelbagai aktiviti pada peringkat institusi pendidikan tinggi (IPT), khususnya di universiti.

Jasa dan sumbangan ahli akademik sangat besar demi ibu pertiwi. Seperti guru di sekolah, akademia mendidik putera dan puteri bangsa di IPT menjadi insan berpengetahuan serta berkemahiran tinggi. Puluhan ribu graduan dihasilkan saban tahun sebenarnya mengiringi duduk letak dan martabat ahli akademik kita.

Ketika membincangkan peranan dan sumbangan ahli akademik, tiga aspek utama dikenal pasti dalam usaha meningkatkan lagi tahap keupayaan mereka iaitu kualiti dan kecemerlangan, kemerdekaan minda serta kesejahteraan.

Penghasilan graduan holistik, berciri keusahawanan dan seimbang seperti dalam Lonjakan Pertama Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) atau PPPM (PT) 2015-2025 banyak bergantung kepada kualiti dan kecemerlangan pensyarah.

Graduan dihasilkan juga bukan hanya mampu memenuhi tuntutan utilitarian (membawa manfaat paling besar kepada seramai mungkin), iaitu menjadi tenaga kerja berpengetahuan dan berkemahiran tinggi, namun juga seorang warganegara yang baik.

Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) meletakkan agenda membangun bakat masa hadapan sebagai usaha penting meningkatkan kualiti pelajar. Justeru, ahli akademik diminta sentiasa memperkukuh tahap ilmu dan kemahiran seiring tuntutan kerja mereka seperti dalam pengajaran dan pembelajaran.

Pembangunan kapasiti dan pengesanan kemajuan staf akademik perlu dipertingkatkan bagi menambah baik kompetensi dalam teknologi baharu dan pendigitalan.

Selain itu, ahli akademik disaran menjayakan mobiliti akademik merentasi sektor bagi meningkatkan pengetahuan dan pengalaman mereka. Galakan pensyarah untuk terbabit dalam mobiliti akademik pernah menjadi perhatian pihak kementerian suatu masa dahulu (malah ada kajian mengenainya), namun pelaksanaannya amat bergantung kepada kesediaan pihak universiti, termasuk mengiktiraf ahli akademik yang terbabit.

Peranan ahli akademik bukan sekadar memenuhi tuntutan utilitarian dan kepentingan ekonomi, tetapi soal kenegaraan serta kewarganegaraan. Ini bukan tugas mudah kerana ia memerlukan usaha memupuk penghayatan nilai murni, integriti, jati diri, patriotisme dan perpaduan dalam kalangan pelajar.

Pembelajaran dalam talian yang terpaksa dilaksanakan ketika ini sedikit sebanyak mengehendkan pengalaman pembelajaran sebenar dan proses pembangunan sahsiah yang biasanya dilaksanakan secara bersemuka di kampus.

Pada masa sama, ahli akademik dituntut memperkasa jati diri dan menjiwai patriotisme mereka dengan membina korpus ilmu sendiri dan mulai kurang bergantung kepada ilmu Barat. Hal ini juga amat dibantu dasar IPT yang bernuansa tempatan dengan mampu mengimbangi tuntutan lokal dan global.

Membebaskan tawanan minda yang beranggapan apa sahaja datang dari Barat dan global itu baik serta 'gangguan politik', sama ada dalaman dan datang dari luar kampus, sering menjadi cabaran kecemerlangan sebenar IPT.

Perkara ini ada dibincangkan secara tuntas oleh barisan panel pada program webinar Bicara Kenegaraan, anjuran Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) bulan lalu.

Antara kebebasan dimiliki ahli akademik adalah kebebasan akademik yang mesti dijayakan sebaik mungkin berasaskan kepakaran dan boleh dipertanggungjawabkan. Ahli akademik perlu menjadi suara intelek awam yang boleh didengari dan mempengaruhi pembuatan dasar seperti kerajaan.

Selain kualiti dan kecemerlangan serta kemerdekaan minda, aspek kesejahteraan ahli akademik perlu diberikan perhatian. Dalam hal ini, keseimbangan kerja dengan kehidupan wajar menjadi budaya dan nadi kesejahteraan ahli akademik.

Kekuatan IPT amat bergantung kepada keupayaan ahli akademik mereka melaksanakan tanggungjawab dengan sejahtera.

Menyentuh peranan dan sumbangan ahli akademik tidak lengkap apabila tidak membincangkan soal skim perkhidmatan pensyarah. Bagi menarik dan mengekalkan bakat di IPT, skim perkhidmatan pensyarah perlu disemak semula dengan beberapa insentif baharu.

Hal ini pernah dibangkitkan Pertubuhan Pembangunan Penyelidikan dan Pendidikan Tinggi Malaysia (PenDaPaT) dalam memorandum kepada menteri sebelum ini.

Tidak dinafikan, skim perkhidmatan pensyarah pernah ditambah baik sebelum ini apabila kerajaan mewujudkan jawatan Profesor Ulung dan meluluskan penambahbaikan skim gaji bagi pensyarah perubatan dan pergigian, namun beberapa perkara lain perlu diambil perhatian.

Ini termasuk mengkaji had umur persaraan ahli akademik supaya tidak sama dengan penjawat awam lain. Hal ini pernah dibangkitkan Canselor Universiti Malaya (UM), Almarhum Sultan Azlan Shah Muhibbuddin Shah suatu masa dahulu apabila meminta kerajaan memberi kelonggaran usia persaraan tenaga akademik universiti dengan tidak menyamakannya seperti penjawat lain.

Memetik titah Almarhum Sultan Azlan Shah ketika Istiadat Konvokesyen UM ke-49: "Adalah satu kerugian besar kepada institusi dan negara apabila seorang sarjana yang mencapai status kematangan terpaksa meninggalkan tugas di universiti kerana terikat dengan skim perkhidmatan yang mewajibkan mereka bersara. Melahirkan seorang sarjana yang hebat memerlukan masa yang lama dan untuk itu, sarjana yang hebat perlulah dimanfaatkan oleh institusi untuk tempoh yang optimum."

Impak pandemik COVID-19 banyak mengubah peranan dan tanggungjawab ahli akademik. Pandangan umum terhadap mereka juga berubah dengan harapan menjadi intelek awam yang sentiasa berfikir dan menganalisis masyarakat. Naratif ahli akademik telah berubah.

Sempena sambutan Hari Akademia dan Bulan Pendidik ini, komuniti akademia wajar melihat kembali peranan dan integriti mereka supaya terus kekal kukuh membina anak dalam Keluarga Malaysia menjadi bakat masa hadapan, insan dan warganegara yang baik.

**Penulis adalah Ahli Pertubuhan Pembangunan Penyelidikan dan Pendidikan Tinggi Malaysia (PenDaPaT), Universiti Putra Malaysia (UPM)**